

DAP pilih jalan selamat, berada dalam keadaan serba salah
Utusan Online
September 23, 2011

KUALA LUMPUR 22 Sept. - DAP dilihat memilih jalan selamat serta berada dalam keadaan serba salah bagi mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung hasrat sekutu pembangkangnya, Pas untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

Timbalan Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw berkata, beliau kurang faham mengenai hukum tersebut, namun melihat terdapat unsur keadilan dalam undang-undang Islam itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau enggan mengulas lanjut mengenai hasrat Pas yang diutarakan Mursyidul Amnya, Datuk Nik Aziz Nik Mat memandangkan pengetahuannya terhad dalam undang-undang itu.

"Pokoknya, undang-undang itu (hudud) perlu memastikan ia tidak jejaskan orang bukan Islam, termasuk mereka yang tinggal di Kelantan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0923&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm